

Penggunaan Portal SLS Dalam Pdp Interaksi Lisan Melalui Kaedah Pembelajaran Melalui Pengalaman

Noor Azleen Sarbini

noor_azleen_sarbini@schools.gov.sg

Nur Syahirah Sa'adon

nur_syahirah_saadon@schools.gov.sg

Sekolah Rendah West View

Abstrak

Profil murid telah berubah mengikut peredaran masa. Murid kini cenderung menggunakan ICT sebagai salah satu wadah untuk belajar sesuatu yang baharu. Perubahan ini memberi cabaran bagi guru untuk menjadikan pengajaran Bahasa Melayu lebih interaktif dan bersifat kendiri. Murid didapati mengalami kesukaran dalam kemahiran interaksi lisan. Berdasarkan program sekolah, *Viewan XP*, murid memperolehi maklumat baharu melalui kaedah Pembelajaran Melalui Pengalaman. Guru telah membuat perancangan dan membimbing murid untuk membuat rakaman video pendidikan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pengalaman mereka. Mereka muat naik rakaman tersebut dalam portal SLS dan mendapat maklum balas guru dan rakan. Dengan cara ini, murid dapat membina keyakinan diri dalam menyampaikan arahan dan bertutur dengan baik.

Kata Kunci: ICT, SLS, Pembelajaran Melalui Pengalaman, Interaksi Lisan

PENGENALAN

Murid menghadapi masalah memberi respons yang baik dalam peperiksaan lisan terutama soalan yang memerlukan mereka menerangkan tentang pengalaman atau pendapat mereka. Justeru itu, guru telah membuat kajian tindakan yang memberikan tumpuan kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dengan menggunakan portal SLS. Guru berharap ini dapat memperbaik kemahiran interaksi lisan murid-murid.

Berdasarkan program *Viewan XP*, murid telah memperoleh pengalaman dan maklumat secara autentik. Pengalaman dan maklumat yang diperoleh ini telah digunakan untuk memperbaik kemahiran interaksi lisan murid dalam menjawab soalan lisan.

Lazimnya, murid cenderung kepada pelajaran yang berpusatkan ICT. Oleh itu, guru telah menerapkan penggunaan portal SLS dalam pelajaran agar murid dapat meningkatkan kemahiran interaksi lisan.

Proses penjanaan idea begitu menyerlah dalam kalangan murid dengan penggabungan video dalam portal SLS bagi memperkasa minat murid dalam Bahasa Melayu secara kreatif dan bersahaja. Sejajar dengan peredaran masa, guru perlu menerapkan Kecekapan Abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu.

Bagi menyokong inisiatif pembelajaran yang berpusatkan murid, pengkaji menggunakan pengalaman mereka melalui lawatan yang dilalui mereka. Pengkaji telah melakarkan beberapa strategi yang mengintegrasikan penggunaan ICT dalam PdP dan penerapan pengalaman autentik mereka dalam pengajaran lisan.

PERNYATAAN MASALAH

Interaksi lisan yang dijalankan sering kali berbentuk satu hala dan murid tidak dapat memberikan jawapan dengan baik. Semasa ujian lisan dijalankan, ramai murid didapati mengalami masalah berikut:



- Murid tidak menjawab soalan rangsangan dengan lebih tuntas.
- Murid tidak dapat menjawab soalan yang bersifat pengalaman atau pendapat kerana terhadnya pengetahuan murid tentang tema yang diketengahkan.
- Murid mengambil masa yang lama untuk menjana idea untuk memberikan jawapan bagi soalan yang diketengahkan.

Pengkaji prihatin dengan masalah yang dialami oleh murid. Justeru, bagi mengatasi masalah-masalah ini, kajian tindakan dijalankan dengan menggunakan program sekolah yang sedia ada iaitu Program *Viewan XP*.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. meningkatkan kemahiran dan prestasi murid dalam interaksilisan dengan menerapkan pengalaman;
2. menerapkan rutin berfikir agar murid dapat berfikir secara kreatif semasa menjawab soalan interaksi lisan; dan
3. menjadikan PdP menyeronokkan dan berkesan dengan penggunaan ICT.

KAJIAN LEPAS

Penggunaan portal SLS dalam pengajaran interaksi lisan melalui kaedah pembelajaran melalui pengalaman belum lagi ditemui dalam kajian lalu. Terdapat kajian mengenai pengajaran interaksi lisan menggunakan kaedah 4P yang dijalankan oleh Zulkifli Khamis (2016). 4P merujuk pada penjelasan, pengalaman, pendapat dan pengajaran. Pengajaran tersebut bertujuan untuk meningkatkan penjanaan idea berdasarkan klip video dan meningkatkan kemampuan murid bertutur dengan lebih sistematik dan yakin. Namun begitu, kaedah tersebut mengkehendaki murid untuk mempunyai pengetahuan sedia ada terhadap perkara dalam klip video yang dipaparkan terlebih dahulu untuk membolehkan mereka merancangkan perkara yang ingin diutarakan.


Kajian mengenai penggunaan *flipped classroom* dalam pengajaran lisan telah dijalankan oleh Zuo Xin-Yue (2016). Penggunaan *flipped classroom* bertujuan untuk mempelbagaikan cara mengajar interaksi lisan agar murid lebih terdorong untuk melibatkan diri dalam pembelajaran tersebut. Pembelajaran itu memerlukan murid untuk bekerja secara berkumpulan untuk berkongsi pandangan mereka terhadap bahan yang telah dimuatnaikkan sebelum mereka ke kelas tersebut. Kaedah tersebut memerlukan murid untuk melaksanakan tugas dengan lebih kendiri dan keberkesanannya akan lebih menonjol buat murid yang lebih matang usianya.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti kelemahan murid dalam bahagian perbualan berdasarkan klip video sebelum murid menjalani pembelajaran dengan menggunakan pengalaman mereka. Maklumat ini diperoleh berdasarkan prestasi murid dalam peperiksaan lisan yang dijalankan oleh pihak sekolah.

Kaedah yang dijalankan ini merupakan satu peningkatan yang dilakukan pada strategi pembelajaran yang telah dijalankan di sekolah. Dengan menggunakan program *Viewan XP*, pengkaji telah menambah nilai pada strategi lisan yang sedia ada. Strategi lama hanya memerlukan murid untuk menceritakan kepada guru mengenai topik yang diberikan, berdasarkan pengalaman mereka daripada lawatan tersebut. Sebagai peningkatan, guru memuat naik tugas melalui portal SLS untuk murid. Murid dikehendaki membuat rakaman video mengenai pengalaman mereka menimba pengetahuan mengenai pembaziran air. Mereka harus menerangkan tentang topik yang diberikan itu dengan menggunakan maklumat yang diraih semasa lawatan sambil belajar dalam video mereka. Setelah merakamkan video, murid akan memuat naik rakaman tersebut dalam portal SLS.

Pada akhir kajian, penilaian dibuat berdasarkan maklum balas guru yang menilai peperiksaan lisan. Maklum balas guru yang lain juga diambil kira untuk menghalusi dan meningkatkan kaedah pengajaran lisan ini.



Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada sekumpulan murid Darjah 5 seramai 25 orang. Mereka terdiri daripada murid melebihi aras kebolehan dan murid pada aras kebolehan. Setiap murid telah diarahkan untuk melaksanakan tugas secara individu.

Instrumen Kajian

Instrumen bagi kajian ini ialah aktiviti-aktiviti lisan yang telah dibina oleh guru berdasarkan lawatan yang bakal diikuti oleh murid-murid. Guru menyediakan pautan menerusi aplikasi *Padlet* melalui portal SLS untuk meningkatkan pembelajaran secara kolaborasi. Penggunaan aplikasi *Padlet* ini membantu guru untuk melihat pengetahuan sedia ada murid mengenai topik atau lawatan yang mereka akan ikuti. Ini dapat merangsang daya pemikiran murid untuk mengambil inisiatif untuk mendapat maklumat sebelum lawatan.

Guru juga akan menyediakan latihan dengan menggunakan rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian (*3-2-1 Bridge*) dari Menjadikan Pemikiran Jelas (MTV) dalam portal SLS. Melalui portal SLS ini, murid akan mengaitkan maklumat yang diperolehi dari lawatan untuk digunakan dalam perbincangan dalam talian. Menerusi rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian ini, murid digalakkan untuk memberikan maklum balas yang dapat merangsang daya pemikiran dan meningkatkan keyakinan diri untuk memperbaiki pretasi mereka. Murid juga akan menggunakan rubrik bagi memberikan penilaian kepada rakan mereka.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan melalui tiga tahap iaitu,

1. tahap pralawatan *Viewan XP*
2. tahap lawatan *Viewan XP*
3. tahap pascalawatan *Viewan XP*

Jadual 1: Tahap Pengajaran Kemahiran Interaksi Lisan

Tahap	Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar/Pertimbangan
Pralawatan	Penyedian Pelajaran	AP4: Membina Kepercayaan	AM3: Menjadikan Pembelajaran Menyeronokkan
		AP12: Menetapkan Alat Bantu dan Bahan Pembelajaran	AM1: Sejauh manakah alat bantu dan bahan mengajara membantu poses pengajaran dan pembelajaran?
Lawatan	Pelaksanaan Pelajaran	AP13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada	AM2: KWL – Tahu, Mahu Tahu, Telah Pelajari
		AP14: Merangsang Minat	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan
		AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	AM2: Teroka, Terlibat, Aplikasi
Pascalawatan	Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Menyemak Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM4: Kongsi Pembelajaran Saya

Tahap Pra-lawatan Viewan XP

Strategi yang digunakan dalam tahap ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai pengetahuan sedia ada murid. Pada tahap ini, guru telah menerangkan kepada murid mengenai lawatan yang bakal mereka sertai, iaitu lawatan ke kilang *NewWater*. Dengan menggunakan slaid *PowerPoint*, guru



melibatkan murid dalam perbincangan untuk menjana idea mereka mengenai sumber air di Singapura.

Guru hanya memberikan maklumat yang terkawal mengenai sumber air di Singapura. Murid diarahkan untuk mendapatkan informasi tambahan mengenai sumber air di Singapura dan menghantar jawapan mereka melalui pautan aplikasi *Padlet* di portal SLS.

Melalui aplikasi *Padlet*, murid akan menjalankan perbincangan melalui kolaborasi dengan rakan mereka. Mereka juga diperlukan untuk memberikan kosa kata yang berkaitan dengan sumber air dan *NeWater* dalam bahasa Melayu. Guru akan merumuskan perbincangan murid berdasarkan jawapan yang diberikan.

Tahap Lawatan Viewan XP

Sewaktu lawatan, murid akan mendapat pengalaman autentik di mana mereka akan dapat melihat cara-cara air dibersihkan di kilang air *NeWater*. Mereka juga akan memperoleh maklumat baharu daripada lawatan tersebut dan menggunakan untuk membandingkan dengan maklumat yang telah mereka perolehi sebelum lawatan. Mereka diperlukan untuk mengambil gambar untuk membantu pemahaman mereka. Murid juga perlu menambah nilai pada maklumat yang mereka ada bagi perkongsian yang bakal mereka lakukan.

Tahap Pasca-lawatan Viewan XP

Dengan maklumat yang diperoleh daripada perbincangan dan lawatan yang telah dilakukan, murid dikehendaki membuat rakaman video mengenai pengalaman mereka semasa menimba pengetahuan mengenai pembaziran air. Mereka perlu menerangkan tentang topik yang diberikan itu dengan menggunakan maklumat tersebut dalam video mereka. Setelah merakamkan video, murid akan muat naik rakaman tersebut dalam portal SLS.

Murid lain akan memberi maklum balas kepada rakaman video rakan

mereka berdasarkan rubrik yang disediakan guru. Guru juga akan menggunakan rakaman video murid tersebut untuk memantau pemahaman murid mengenai topik yang diberikan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada akhir sesi kajian ini, terdapat peningkatan pada markah ujian lisan murid tersebut. Kaedah menggunakan pengalaman ini berjaya meningkatkan keyakinan diri murid dalam bahagian perbualan berdasarkan video. Selepas menjalani latihan yang berstruktur dengan menggunakan portal SLS, murid lebih yakin dan lancar bertutur ketika menjawab soalan dan memberikan respons yang lebih tuntas semasa peperiksaan lisan.

Kaedah ini didapati telah membantu murid mempersiapkan diri sebelum ujian lisan. Kaedah ini meningkatkan keyakinan diri dan kelancaran bertutur murid ketika memberikan penerangan dan pendapat. Hasil kajian ini amat memberangsangkan kerana kaedah ini dibina dengan mengintegrasikan ICT dengan strategi pembelajaran. Dengan memanfaatkan program yang sedia ada di sekolah, ini membantu pengkaji untuk menambah nilai pada kaedah pembelajaran dalam lisan.

KESIMPULAN

Menurut hasil kajian dan perbincangan, persoalan-persoalan kajian yang diketengahkan pada bahagian awal kertas kerja ini telah pun terjawab. Kaedah pembelajaran melalui pengalaman dapat membantu murid dalam mencapai kecemerlangan dalam kemahiran interaksi lisan di kelas dan semasa peperiksaan lisan.

Kajian ini berjaya meningkatkan keupayaan murid dalam kemahiran lisan dan mampu mempersiapkan diri mereka untuk peperiksaan lisan. Murid kini lebih prihatin kepada setiap pengalaman yang mereka lalui. Mereka akur bahawa setiap pengalaman tersebut boleh membantu mereka dalam memberikan maklumat yang autentik yang boleh mereka gunakan dalam perbualan mereka.



Sebagai langkah seterusnya, guru akan memperbaik lagi kaedah lisan dengan meneroka perisian-perisian ICT yang lain untuk meningkatkan prestasi murid dalam kemahiran lisan.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Nurhijjah Yahya
2. Siti Sujinah Johari

RUJUKAN

Ritchhart, R, Church, M. and Mirrison, K. (2011). *Making Thinking Visible*. San Francisco, CA; Jossey Bass.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Khamis, Z. (2016). *Penggunaan kaedah 4P bagi penilaian kompetensi lisan*. Asian Education Action Research Journal (AEARJ), 5(1), 72-77.

Xin-Yue, Z. (2016). Motivation in a flipped classroom, a case study of teaching oral English in a vocational college in mainland China. *Sino-US English Teaching*, 13(6), 460-467.

Florez, I. (2011). Developing Young Children's Self-Regulation through Everyday Experiences. *YC Young Children*, 66(4), 46-51. Dipetik pada 2 November 2019 dari www.jstor.org/stable/42731278

Gennaro, E., & Heller, P. (1982). Out-of-School Science Experiences. *Science and Children*, 20(1), 22-23. Dipetik pada 5 November 2019 dari www.jstor.org/stable/43160582